

21 MAR 2004

PERDANA MENTERI TURUT MERIAHKAN PERLUMBAAN F1

SEPANG, 21 Mac (Bernama) -- Kesibukan pilihan raya umum ke-11 yang berlangsung hari ini tidak menghalang Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Badawi untuk bersama-sama puluhan ribu peminat sukan bermotor menyaksikan Grand Prix Malaysia 2004 di Litar F1 Sepang di sini hari ini.

Perdana Menteri tiba di Perdana Suite Litar F1 Sepang pada pukul 3.30 petang untuk bersama-sama kenamaan lain menyaksikan perlumbaan edisi keenam itu. Ketibaan beliau disambut Pengerusi SIC Datuk Mokhzani Tun Mahathir dan Pengurus Besar SIC Ahmad Mustafa.

Turut hadir menyaksikan perlumbaan grand prix itu ialah Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamallulail, Sultan Brunei Sultan Hasanah, Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah, isteri bekas Perdana Menteri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta lain-lain kenamaan.

Abdullah kemudian menyampaikan trofi kemenangan kepada juara dunia enam kali, Michael Schumacher yang memenangi Grand Prix Malaysia untuk kali ketiga.

Sementara itu, Ahmad yang ditemui selepas tamat perlumbaan berkata beliau berpuas hati dengan kelancaran penganjuran perlumbaan edisi kali ini.

"Cuaca yang bagus hari ini menyaksikan perlumbaan berjalan dengan lancar. Walaupun hari ini rakyat Malaysia keluar mengundi, saya bersyukur kerana ribuan penonton datang menyaksikan perlumbaan kali ini," katanya.

Ketika ditanya mengenai jumlah penonton yang hadir menyaksikan perlumbaan, Ahmad berkata jumlah sebenar penonton belum dapat dipastikan tetapi menjangkakan antara 85,000 hingga 90,000 orang.

-- BERNAMA

FA FA BK